Hektar REIT, Samaiden jalin kerjasama tenaga solar (Berita Harian – 6 Mei 2025)



Dari kiri, Aldela Puspa Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Property Services Sdn Bhd; Sabrina Halim, Ketua Pegawai Operasi Hektar Asset Management Sdn Bhd; Zainal Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management Sdn Bhd; Datuk Ir Chow Pui Hee, Pengarah Urusan Kumpulan Samaiden Group Bhd; Fong Yeng Foon, Pengarah Eksekutif Samaiden Group dan Dr Tee Wu Shun, Ketua Pegawai Strategi Samaiden Group.

KUALA LUMPUR: Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar REIT) menandatangani perjanjian utama kerjasama tenaga solar bersama Samaiden Group Bhd hari ini, sekali gus memperkukuh komitmen kedua-dua pihak terhadap kelestarian alam sekitar.

Kerjasama itu sejajar dengan aspirasi negara untuk mempercepatkan peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui serta menyokong matlamat jangka panjang pengurangan pelepasan karbon.

Menerusi perjanjian itu, sistem solar photovoltaic (PV) akan dipasang di lima pusat beli-belah kendalian Hektar REIT di bawah model sifar perbelanjaan modal (Zero Capex) – pendekatan inovatif yang menyatukan keuntungan dengan keprihatinan terhadap alam sekitar.

Samaiden akan memimpin keseluruhan pelaksanaan projek, merangkumi reka bentuk, pemasangan, operasi dan penyelenggaraan sistem solar berkenaan, manakala Hektar REIT bakal menikmati kadar bekalan tenaga bersih yang tetap.

Ketua Pegawai Eksekutif Hektar Asset Management Sdn Bhd, Zainal Iskandar Ismail, berkata perjanjian itu adalah satu langkah strategik yang signifikan dalam perjalanan kelestarian syarikat.

"Ia menjadi tonggak utama kepada strategi pengurusan tenaga kami, menandakan lonjakan ke arah penggunaan tenaga bersih. Dengan pemasangan sistem PV suria atas bumbung di pusat beli-belah kami, kami bukan sahaja mengurangkan jejak karbon, malah meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik – yang dijangka menyumbang kepada penjimatan sehingga 15 peratus tahun ini.

"Inisiatif ini bukan sahaja mendokong komitmen iklim kami, malah memberikan pulangan mampan kepada pemegang unit, penyewa dan komuniti," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, struktur kerjasama itu membantu mengurangkan turun naik harga tenaga dan menyumbang kepada kestabilan kewangan melalui kos elektrik yang lebih boleh dijangka.

Melalui inisiatif ini, Hektar REIT dijangka menjimatkan kos tenaga kira-kira RM41.3 juta sepanjang tempoh kerjasama, selain mengelakkan pelepasan karbon sebanyak 98,640 tan – bersamaan dengan penyingkiran ribuan kenderaan dari jalan raya atau penanaman berjuta-juta pokok.

Menurut Zainal Iskandar, kejayaan projek solar Kolej Yayasan Saad Melaka yang dikendalikan sebelum ini menjadi penanda aras dan akan diguna pakai untuk aset baharu Hektar REIT pada masa depan.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami terhadap prinsip 'triple bottom line' – melindungi alam sekitar, menjana keuntungan mampan, dan menyokong kesejahteraan masyarakat melalui amalan prihatin iklim.

"Ia sekali gus memperkukuh kedudukan Hektar REIT sebagai peneraju dalam inovasi berteraskan ESG dalam sektor hartanah tempatan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Samaiden, Datuk Ir Chow Pui Hee, berkata pihaknya berbesar hati untuk berganding bahu dengan Hektar REIT dalam usaha mempercepatkan peralihan kepada tenaga bersih.

"Program solar tanpa perbelanjaan modal kami memberi peluang kepada syarikat untuk melaksanakan penyelesaian tenaga mampan tanpa kekangan kewangan, membolehkan mereka memberi tumpuan kepada kelestarian dan keuntungan jangka panjang," katanya.

Beliau berkata, sebagai antara peneraju dalam sektor tenaga boleh diperbaharui negara, Samaiden komited untuk membangunkan penyelesaian solar yang menyokong usaha pengurangan karbon dan memperkukuh daya tahan tenaga.

"Kerjasama dengan pemain industri berwawasan seperti Hektar REIT diharap dapat merancakkan lagi penggunaan tenaga solar dalam sektor komersial dan runcit di Malaysia," katanya.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Hektar REIT dan Samaiden turut menyokong sasaran tenaga boleh diperbaharui negara serta matlamat untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.